

## Bab 2 Penyesuaian Peradaban Cina dan Teori Etniksiti

Perubahan ke atas identiti politik, sejarah dan peradaban sesebuah etnik sering terhasil akibat pertembungan peradaban etnik tersebut dengan peradaban asing. Oleh itu, dengan mengaji perubahan identiti sesuatu masyarakat, kita sebenarnya dalam keadaan meninjau penyesuaian intipati peradaban sesebuah etnik.

Istilah “identiti” pada asasnya bererti keperibadian atau ciri-ciri seseorang individu, namun maksudnya boleh dikembangkan kepada kepunyaan atau perikatan seseorang individu terhadap sesuatu kumpulan, iaitu perasaan kepunyaan terhadap sesuatu entiti oleh seseorang individu, misalnya identiti negara, identiti komuniti, identiti etnik dan identiti kelas yang masing-masing menerangkan ikatan, perasaan kepunyaan secara psikologi, mental dan rasional seseorang individu terhadap negara, komuniti, etnik dan kelas sendiri yang masing-masing merupakan sebahagian daripada intipati peradaban.<sup>38</sup>

Perasaan identifikasi atau kepunyaan ini juga mempengaruhi tingkah laku seseorang individu, misalnya identiti kenegaraan seseorang individu atau kumpulan etnik mempengaruhi ketaatan seseorang atau kumpulan terhadap sesebuah negara.

---

<sup>38</sup> Cui Guiqiang 崔贵强, *Xinma Huaren Guojia Rentong de Zhuanxiang, 1945-1959* 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959), m/s 1-2.

Bagi kes Orang Cina Malaya, sebelum berimigrasi ke Malaya, mereka tidak menghadapi sebarang dilema peradaban dengan wujudnya keharmonian antara identiti negara dengan peradaban Cina. Namun, keadaan sebaliknya berlaku di Malaya apabila wujudnya ketidakharmonian antara identiti negara dengan peradaban Cina. Oleh yang demikian, kedua-dua peradaban dan pegangan identiti mereka perlu diubahsuai bagi menyangut cabaran baru.

Pada peringkat awal, orang Cina tidak memakai istilah “identiti” bagi mengenali diri, sebaliknya mereka lebih berpegang terhadap konsep kecinaan (*chineseness*), iaitu mengenali seseorang sebagai Cina atau kurang Cina.<sup>39</sup> Selain ini, mereka juga mengidentifikasi kepada pelbagai kumpulan dialek.<sup>40</sup>

Menurut penjelasan bahagian pendahuluan, istilah *huqiao* membawa erti pemegang kewarganegaraan China yang menumpang sementara di seberang laut. Konsep ini dibawa masuk oleh para pelopor revolusi. Pengenalan konsep ini menyebabkan isu identifikasi diri berkembang menjadi suatu konsep yang merangkumi seluruh etnik Cina berbanding dengan keadaan awal yang hanya terbatas kepada suku dialek.<sup>41</sup> Istilah ini membawa konotasi bahawa orang Cina yang berada di seberang laut adalah berorientasi politik Negara China pada

<sup>39</sup> Wang Gungwu, *Zhongguo yu Haiwai Huaren* 中国与海外华人 (China dan Orang Cina Seberang Laut), m/s 234.

<sup>40</sup> Yan Qinghuang 颜清湟, *Xin Ma Huaren Shehuishi* 新马华人社会史 (Sejarah Masyarakat Cina Malaya dan Singapura), m/s 35.

<sup>41</sup> Sebagai contoh, Dr. Sun Yat Sen, pelopor gerakan anti-Dinasti Qing, yang mengetuai revolusi anti Dinasti Qing pernah mempelopori konsep etnik atau “minzu”. Konsep ini mendapat perhatian ramai dan berjaya memperkuatkan semangat nasionalisme yang berorientasi China di kalangan orang Cina. Ia menjadi suatu konsep baru yang melampaui batas kesukuan etnik dan lama mempengaruhi orientasi politik orang Cina Malaya sebelum era kemerdekaan, sila rujuk Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 101.

peringkat awal, dan secara langsung bererti mereka tidak perlu menunaikan tanggungjawab kewarganegaraan tempatan. Keadaan ini adalah ketara di kalangan orang Cina sebelum era kemerdekaan, di mana mereka menganggap Malaya sebagai tempat mencari rezeki.<sup>42</sup>

## 2.1 Identiti Berkembar

Selain isu orientasi politik, isu yang mendapat perhatian ramai sarjana selepas pengimigrasian orang Cina ialah identiti berkembar (*double-identity*) yang rata-rata wujud di kalangan penduduk Cina Asia Tenggara. Isu identiti berkembar berkait secara langsung dengan isu kewarganegaraan berkembar dan menjelaskan bagaimana orang Cina pada era sebelum merdeka mengidentifikasi kepada China sebagai negara asal, pada masa yang sama turut menunjukkan ketaatan terhadap negara Asia Tenggara yang mereka duduki.

Walau bagaimanapun, selepas perjanjian melarang kewarganegaraan berkembar ditandatangani antara kerajaan China dengan negara-negara Asia Tenggara, maka istilah “*huqiao*” disempitkan kepada warga China seberang laut sahaja. Sebagai contoh, selepas persidangan Bandung tahun 1955, Republik Rakyat China menandatangani perjanjian melarang kewarganegaraan kembar dengan Indonesia. Selepas perjanjian tersebut ditandatangani, Perdana Menteri China Zhou Enlai 周恩来 menggunakan istilah keturunan darah Cina bagi

<sup>42</sup> Cui Guiqiang 崔貴強, *Xinma Huaren Guojia Rentong de Zhuanxiang, 1945-1959*, 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959), m/s 14-15.


memanggil orang Cina yang berada di Indonesia, langkah ini bertujuan bagi mengelakkan kecurigaan kerajaan Indonesia terhadap ketaatan dan orientasi politik orang Cina Indonesia.

Sebelum perjanjian melarang kewarganegaraan berkembar ditandatangani, pemimpin Negara China rata-rata tidak sedar tentang perbezaan antara warga China dengan warga asing yang berketurunan Cina, mereka tetap menggunakan istilah *huaqiao* untuk memanggil kedua-dua kumpulan Cina. Hal ini memang ingin dielakkan oleh orang Cina yang telah melepaskan kewarganegaraan China dan menerima kewarganegaraan tempatan, mereka sebagai golongan minoriti di kebanyakan negara Asia Tenggara telah menggunakan istilah-istilah seperti *huaren* 华人, *huayi* 华裔 dan *huazu* 华族 bagi mengidentifikasi diri mereka.

## 2.2 Teori Etniksiti

Bagi memenuhi tujuan disertasi ini yang berusaha menjelaskan, menghurai dan meneliti proses penyesuaian peradaban melalui perubahan identiti di kalangan orang Cina, penjelasan terhadap pertembungan antara dua peradaban yang mengakibatkan perubahan pegangan identiti sesuatu kumpulan etnik adalah penting.<sup>43</sup>

<sup>43</sup> Dua peradaban yang dimaksudkan dalam disertasi ini ialah peradaban Cina dan Melayu. Walaupun peradaban barat yang dibawa oleh penjajah juga memainkan peranan, namun berikutnya pemberian kemerdekaan oleh British maka peranannya menjadi tidak begitu ketara.



Sebelum ini, seperti yang dikatakan perubahan pegangan identiti tersebut adalah hasil pertembungan dua etnik yang wujud sebagai pewaris peradaban masing-masing. Oleh yang demikian, bagi memahami perubahan tersebut, beberapa teori etniksiti yang berguna bagi kita memahami perubahan identiti sesuatu etnik perlu diperjelaskan terlebih dahulu. Fredrik Barth, Clifford Geertz dan Benedict Anderson merupakan antara sarjana barat yang pakar dalam teori-teori tersebut.

Fredrik Barth dan Clifford Geertz masing-masing menitikberatkan objektiviti sesebuah etnik, mereka menafikan ciri-ciri luaran seperti peradaban atau “kandungan” sebagai kayu ukur etniksiti sesuatu kumpulan.<sup>44</sup>

Menurut Barth, ciri-ciri peradaban suatu bangsa merupakan “kesan” yang berlaku hasil interaksi antara kumpulan etnik, jadi kita tidak boleh mengenali suatu etnik berdasarkan ciri-ciri luaran yang dimanifestasikan. Jika tidak, ini bererti seseorang hanya dalam proses mengenali perbezaan antara peradaban dan bukannya etnik. Menurutnya, etnik merupakan suatu entiti sosial yang dipersetujui oleh kumpulan manusia tersebut dan masyarakat sekeliling yang lain. Bagi beliau, sempadan etnik terhasil akibat interaksi kumpulan etnik yang berlainan, interaksi ini berlaku dalam hubungan “kita-mereka” .<sup>45</sup>

<sup>44</sup> Sebaliknya, teori etniksiti menurut kandungan atau teori yang bersifat subjektif bermaksud pengenalan sesuatu etnik berdasarkan ciri-ciri peradaban yang diamalkan, misalnya golongan manusia yang mengamalkan peradaban Cina dikenalpasti sebagai orang Cina.

<sup>45</sup> Sila rujuk Fredrik Barth, *Ethnic Groups and Boundaries: The Social Organization of Culture Difference*. London: George Allen and Unwin, 1969, m/s 10-16.

Clifford Geertz pula mengemukakan teori “*primodial sentiment*” atau “sentimen asli” yang masyhur. Dalam teori tersebut, beliau berpendapat sentimen asli seseorang individu terhadap kumpulan sendiri terbentuk akibat kesamaan asal usul, misalnya kesamaan hubungan darah, etniksiti, kedaerahan, agama dan peradaban. Menurut beliau, kelima-lima elemen ini membentuk perasaan kepunyaan seseorang terhadap asal usul dan ia amat mempengaruhi pegangan identiti individu tersebut.<sup>46</sup>

Selain Clifford Geertz dan Fedrik Barth, kajian Benedict Anderson menyediakan kerangka teori etniksiti berdasarkan kajian terhadap gejala nasionalisme yang membara selepas Perang Dunia Kedua. Teori masyarakat imaginasi (*imagined communities*) beliau berjaya memberi penjelasan kepada pelbagai gejala kebangkitan nasionalisme di kalangan penduduk negara-negara dunia ketiga. Keistimewaan teori tersebut terbukti dengan metodologinya yang melepas benteng kajian politik dengan melihat nasionalisme dari persepsi peradaban. Dalam konteks ini, nasionalisme bukan lagi dipandang sebagai suatu ideologi atau gerakan sosial, sebaliknya ia dilihat dari segi psikologi dan menjadikannya menghampiri bidang kajian psikologi sejarah (*psychologie historique*) atau sejarah sosial budaya (*histoire socio-culturelle*). Oleh yang demikian, Benedict Anderson sering dipuji kerana berjaya melihat isu tersebut dari pandangan pribumi (*from the native point of view*) dan hasil kajian beliau dianggap sebuah hasil kajian pasca-kolonial (*postcolonial studies*) yang berjaya menerangkan psikologi dan sentimen para penduduk tanah jajahan.

---

<sup>46</sup> Clifford Geertz, *The Interpretation of Culture*. London: Hutchinson & Co., 1973, m/s 261-263.

Menurut Benedict Anderson, masyarakat baru yang ingin dibentuk oleh sebuah kerajaan negara baru atau para penjajah bersifat imaginasi. Konsep “masyarakat imaginasi” yang dikemukakannya menggambarkan keinginan sesebuah negara baru yang ingin menyusun semula pelbagai etnik yang sedia ada dan keinginan tersebut sering didapati bertentangan dengan sentimen asli sesuatu etnik. Menurut beliau, pembentukan masyarakat tersebut adalah sukar berikutan pelbagai kumpulan yang berlainan dalam masyarakat baru tersebut belum lagi mengenali, berinteraksi atau berjumpa antara satu sama lain. Pada hakikatnya, mereka masih hidup dan berinteraksi dalam komuniti sendiri. Ini bererti komuniti baru yang wujud dalam negara baru tersebut bukanlah terbentuk secara sukarela, sebaliknya ia sengaja dicipta oleh pihak pemerintah.<sup>47</sup>

Tambahan pula, masyarakat tersebut dikatakan bersifat imaginasi berikutan sempadan negara merupakan hasil imaginasi politik. Interaksi masyarakat mungkin mempunyai sempadan yang lebih luas daripada sempadan politik tersebut, pengaruh dan skop interaksi mereka juga tidak terbatas kepada sempadan politik.<sup>48</sup>

Selain itu, masyarakat tersebut sebenarnya hidup di bawah sebuah negara yang berautonomi. Autonomi negara wujud berikutan kejatuhan sistem monarki

<sup>47</sup> Benedict Anderson, *Imagined Communities, Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso Edition and NLB, 1983, m/s 15-16.

<sup>48</sup> Ibid.

akibat gerakan pencerahan (*enlightenment*) di Eropah. Pada hakikatnya, konsep autonomi pada asasnya juga merupakan suatu konsep yang diimajinasi.<sup>49</sup>

Akhirnya, Benedict Anderson turut berpendapat pembentukan sesebuah masyarakat baru dianggap bersifat imajinasi berikutan kegagalan jentera negara mengambil kira ketidaksamaan, ketidakadilan dan pengeksplotasian yang sedia wujud dalam masyarakat tersebut, sebaliknya menganggap ia bertindak secara adil dan semua masyarakat mempunyai kedudukan yang sama.<sup>50</sup>

Bagi penduduk Cina Malaysia, mereka turut mewarisi “ sentimen asli” . “ Sentimen asli” ini dibawa ke Malaya apabila mereka berimigrasi ke sini, walaupun mereka tidak berada dalam rantau pengaruh peradaban Cina, kesungguhan mereka menubuhkan sistem pendidikan Cina dan pertubuhan keluarga atau kampung merupakan manifestasi sentimen tersebut. Walau bagaimanapun, masalah timbul apabila sentimen asli ini berdepan dengan “ masyarakat imajinasi” yang ingin dibentuk oleh pihak pemerintah.

Dilema antara “ masyarakat imajinasi” dengan “ sentimen asli” menerangkan sebab-sebab kegagalan dan keengganinan orang Cina menyesuaikan diri terhadap hasrat penyusunan masyarakat yang dianjurkan oleh pihak berkuasa. Justeru itu, tidak hairanlah pelbagai reaksi timbul di kalangan orang Cina.

---

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Ibid.

Bagi merealisasikan konsep “ masyarakat imaginasi” di Malaya, Kerajaan Perikatan menjalankan beberapa dasar bagi membentuk identiti masyarakat baru. Antaranya dasar pendidikan, bahasa dan kewarganegaraan merupakan alat bagi mencapai tujuan tersebut. Usaha untuk merealisasikan dasar-dasar tersebut dilaksanakan melalui akta-akta parlimen, khasnya akta-akta pendidikan dan kewarganegaraan. Sebaliknya penentangan atau reaksi terhadap pelaksanaan akta-akta pendidikan dan kewarganegaraan menunjukkan penentangan terhadap usaha tersebut yang didorong oleh sentimen asli yang tersemai dalam sanubari orang Cina. Masalah timbul apabila dasar-dasar ini terpaksa dipersetujui oleh masyarakat yang terlibat sebelum dapat dilaksanakan, keadaan ini merumitkan usaha pembentukan masyarakat baru berikutnya ketidaksamaan pendirian antara orang Cina dan orang Melayu.

### **2.3 Nasionalisme China**

Selain percanggahan antara “ masyarakat imaginasi” dengan “ sentimen asli,” perpecahan antara nasionalisme yang berorientasi tempatan atau China juga menerangkan bagaimana orang Cina mengambil pendirian yang bertentangan dengan hasrat negara.

Jika kita meneliti sejarah imigrasi orang Cina, kita mudah mendapati bahawa semangat nasionalisme China merupakan faktor pengukuhan peradaban Cina di kalangan orang Cina. Misalnya, menjelang Perang Jepun-China (1894-1895), Jepun berjaya mengalahkan China. Insiden ini menyemarakkan

nasionalisme orang Cina seberang laut, mereka mula sedar bahawa status China semakin terancam, khasnya ancaman kuasa barat dan Jepun. Seterusnya, serangan dan penaklukan Jepun ke atas China pada tahun 1931 dan 1945 juga menyemarakkan semangat nasionalisme orang Cina. Keadaan ini secara langsung menguatkan kecintaan orang Cina terhadap Tanah Besar China dan peradaban yang dilanda pelbagai ancaman.

Walau bagaimanapun, kemarakan semangat nasionalisme ini turut mempengaruhi semangat nasionalisme tempatan. Menurut Wang Gungwu, keadaan ini berlaku akibat kebimbangan pemimpin-pemimpin tempatan yang risau apabila melihat penyatuan di kalangan orang Cina berikutan peningkatan semangat nasionalisme China tersebut.<sup>51</sup>

Selepas Perang Dunia Kedua, semangat nasionalisme tersebut mencapai kemuncaknya. Keadaan ini merisaukan banyak kerajaan Asia Tenggara memandangkan ia merupakan sesuatu sentimen yang berorientasikan Negeri China. Walaupun demikian, reaksi kerajaan-kerajaan Asia Tenggara adalah berpecah belah, dan bergantung kepada jumlah penduduk Cina yang terdapat di negara masing-masing. Misalnya, negara-negara yang tidak mempunyai peratusan penduduk Cina yang tinggi, seperti Filipina, Indonesia, Thailand, Burma dan Vietnam, kerajaan negara-negara tersebut tidak memandang perkembangan

---

<sup>51</sup> Wang Gungwu, *Haiwai Huaren de Minzu Zhuyi* 海外华人的民族主义 (Nasionalisme Orang Cina Seberang Laut), dalam Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 103.

tersebut secara serius dan menganggap ia hanya bersifat sementara waktu dan akan diganti dengan identiti kebangsaan dalam masa yang singkat.<sup>52</sup>

Sebaliknya, negara-negara yang mempunyai peratusan penduduk Cina yang tinggi, seperti Malaya dan Singapura, negara-negara ini berpendapat bahawa gelaja ini perlu ditangani secara berhati-hati, dan ia berkemungkinan menjadi ancaman terhadap negara.<sup>53</sup>

Walaupun nasionalisme yang berorientasi China merupakan suatu perasaan atau fenomena psikologi, namun ia sering dimanifestasikan secara fizikal melalui pelbagai gejala, cara hidup dan adat resam yang diamalkan. Bagi orang Cina, mereka turut mempunyai sifat-sifat yang dapat memanifestasikan haluan nasionalisme mereka.

Kiriman wang kepada saudara mara yang masih berada di China merupakan manifestasi haluan nasionalisme masyarakat Cina terhadap China yang jelas. Ramai buruh Cina mengirim wang balik ke Negeri China bagi

<sup>52</sup> Menurut Rao Shangdong, selepas Perang Dunia Kedua, pelbagai dasar diambil bagi menangani masalah orang Cina oleh kerajaan Asia Tenggara. Misalnya, dasar asimilasi diambil oleh Indonesia, Filipina dan Thailand, ketiga-tiga negara tidak mempunyai peratusan penduduk Cina yang tinggi, iaitu masing-masing 1.5%, 3% dan 11%. Bagaimanapun, dasar akulterasi pula diambil oleh kerajaan Malaysia dan Brunei yang masing-masing mempunyai peratusan penduduk Cina yang agak tinggi, iaitu sebanyak 31% dan 18%. Sila rujuk Rao Shangdong 饶尚东, *Luodi Shenggen – Haiwai Huaren Wentu Yanjiu Wenji* 落地生根——海外华人问题研究 (*Luodi Senggen – Esei-Esei Mengenai Isu Orang Cina Seberang Laut*). Sarawak: Shalaoyue Huazu Wenhua Xiehui 砂劳越华族文化协会, 1995, m/s 22-23.

<sup>53</sup> Ramai orang Cina Malaya menyertai gerakan pembebasan komunis, ia dilihat sebagai berkemungkinan bagi mereka terjerumus ke dalam aktiviti anti-penjajah dan sistem demokrasi yang dipelopori oleh Pertubuhan Komunis Antarabangsa.

membantu kehidupan keluarga. Hong Kong merupakan jalan tengah bagi kiriman tersebut, ia dilakukan melalui bank-bank dan orang tengah.<sup>54</sup>

Memandangkan jumlah wang kiriman melalui Hong Kong adalah banyak, maka muncullah bank-bank yang ditubuhkan khas bagi tujuan tersebut, misalnya Bank Kwong Yik dan Standard Chartered didirikan di Hong Kong bagi mengaut keuntungan daripada perkhidmatan kiriman wang orang Cina seberang laut.<sup>55</sup>

Di samping kiriman wang, pelaburan secara langsung dan tidak langsung oleh orang Cina seberang laut turut dianggap sebagai salah satu sifat nasionalisme China. Menurut Lin Jinzhi 林金枝, seorang pengkaji orang Cina Asia Tenggara, sebelum tahun 1949, orang Cina banyak melabur di provinsi asal mereka, misalnya provinsi Fujian dan Guangdong yang merupakan provinsi asal utama orang Cina seberang laut ternyata banyak mendapat pelaburan seberang laut berbanding dengan provinsi lain. Pelaburan orang Cina seberang laut di Guangdong dan Fujian tertumpu kepada sektor pengangkutan, perniagaan dan hartanah. Selain itu, memandangkan peranan Shanghai sebagai pusat perindustrian, perdagangan dan kewangan yang penting di China, maka peluang pelaburan yang wujud di bandar tersebut turut banyak menarik pelaburan orang Cina seberang laut. Pihak berkuasa China menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan

<sup>54</sup> Pan Lin 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 105.

<sup>55</sup> Xian Yuyi 洗玉仪, “*Xianggan zai Zhongguo yu Haiwai Huaren Guangxi zhong suo Banyan de Juese* 香港在中国与海外华人关系中所扮演的角色 (Peranan Hong Kong dalam Hubungan China dengan Orang Cina Seberang Laut)” dalam Pan Ling 潘翎, ed., *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 104-105.

bagi menarik pelabur orang Cina seberang laut, jawatankuasa ini menggalakkan pelaburan seberang laut dengan memberi jaminan keuntungan.<sup>56</sup>

## 2.4 Pengorientasian Politik China

Selain nasionalisme China, kemunculan fahaman Komunisme di China juga sekali menakutkan kerajaan-kerajaan Asia Tenggara. Perkembangan ini turut menyebabkan kemunculan golongan pro-Komunis yang bertentangan ideologi dengan golongan pro-Guomindang 国民党 (Kuomintang) di kalangan masyarakat Cina. Kedua-dua golongan mendirikan cawangan parti masing-masing di Malaya, gejala ini dianggap sebagai kesinambungan pertentangan kedua-dua parti di seberang laut.

Menjelang Perang Jepun-China tahun 1937, pihak Guomindang memainkan peranan penting dalam usaha menentang serangan Jepun. Tabung China Bersekutu Nanyang yang bertujuan untuk mengutip wang derma di kalangan masyarakat Cina bagi membaiayai usaha memerangi Jepun telah ditubuhkan oleh Kerajaan China pada tahun 1938. Oleh yang demikian, kerajaan China yang telah lama terjalin hubungan erat dari segi politik dan ekonomi dengan komuniti Cina seberang laut di Asia Tenggara berjaya membangkitkan sentimen anti-Jepun melalui agen-agen dan akhbar-akhbar tempatan.<sup>57</sup>

<sup>56</sup> Dipetik oleh Pan Ling 潘翎, ed., dalam *Haiwai Huaren Baikequanshu* 海外华人百科全书 (Ensiklopedia Orang Cina Seberang Laut), m/s 109-110.

<sup>57</sup> Cui Guiqiang 崔貴強. *Xinma Huaren Guojia Rentong De Zhanxiang, 1945-1959* 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959), m/s 18.

Walaupun orang Cina seberang laut berjaya membantu kerajaan China memerangi Jepun di China, sebaliknya di Malaya perang ini sebenarnya merosakkan hubungan etnik antara Melayu-Cina berikutan peranan orang Melayu yang berperanan sebagai polis Jepun yang didakwa terlibat dalam kekejaman terhadap mereka.<sup>58</sup> Namun, suara bersatupadu masih kedengaran, pemimpin-pemimpin Cina seperti Tan Kah Kee 陈嘉庚 (Chen Jiageng, 1874-1961) dan Aw Boon Haw 胡文虎 (Hu Wenhua, 1882-1954), mula melaungkan suara kesatuan.

Sebelum Perang Dunia Kedua, keghairahan terhadap gerakan pembaharuan China juga merupakan salah satu tanda pengorientasian politik China. Kedatangan para pemimpin reformis berjaya menaikkan keinginan masyarakat Cina tempatan untuk mengambil bahagian dalam politik China. Hasil lawatan para pemimpin gerakan pembaharuan dan revolusi juga melahirkan cawangan parti atau gerakan masing-masing, misalnya lawatan Kang Youwei 康有为 (1858-1927), pelopor gerakan pembaharuan 1898, ke Singapura pada tahun 1900 dan bandar-bandar utama Malaya melahirkan cawangan Parti Reformis. Di samping pengaruh politik, beliau turut memperkenalkan kurikulum moden yang sistematik bagi sekolah-sekolah Cina.<sup>59</sup> Selain Kang Youwei, lawatan Dr. Sun Yat Sen ke Asia Tenggara turut mendorong penubuhan cawangan *Tongmeng Hui* 同盟会 (Liga Bersatu). Cawangan-cawangan parti politik yang

<sup>58</sup> Purcell, Victor, *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press, 1948, m/s 264.

<sup>59</sup> Di bawah kurikulum anjuran Kang Youwei, mata pelajaran sejarah, geografi, sains, matematik, etika, lukisan, pendidikan jasmani dan nyanyian diperkenalkan. Sekolah juga terbahagi kepada dua peringkat, iaitu tiga tahun *Junior Middle* dan tiga tahun lagi *Senior Middle*. Sila rujuk Susean Hussin, *Pendidikan Di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, m/s 15-16.

berorientasi Negara China tersebut bertanggungjawab menyemarakkan semangat nasionalisme orang Cina seberang laut yang kemudian memberi sumbangan penting dalam kejatuhan rejim Manchu pada tahun 1911.

Selain penubuhan cawangan gerakan, wang derma juga dikutip di kalangan orang Cina seberang laut, khasnya jumlah kutipan yang lumayan dari hasil derma orang Cina Asia Tenggara. Dr. Sun Yat Sen pernah menyifatkan orang Cina seberang laut sebagai “ ibu revolusi” <sup>60</sup>. Antara tokoh seberang laut yang sentiasa mengambil berat terhadap krisis dan pergolakan politik Negara China adalah Tan Kah Kee dan Li Qingquan 李清泉 (1889-1940).

Secara amnya, aktiviti politik berorientasikan China digalakkan secara meluas sejak dekad pertama abad ke-20 lagi. Selepas penyatuan China oleh Guomindang di Nanjing pada tahun 1928, biro pendidikan seberang laut kerajaan nasionalis diadakan, tujuannya bagi memastikan ketaatan orang Cina seberang laut terhadap negara asal.

---

<sup>60</sup> Menurut Yan Qinghuang yang menjalankan kajian ke atas sumbangan orang Cina Malaya dan Singapura terhadap revolusi China 1911, orang Cina Malaya dan Singapura sememangnya memberi sumbangan besar terhadap kejayaan revolusi dan mereka layak digelar “ ibu revolusi” . Secara amnya, sumbangan mereka boleh ditinjau dari tiga aspek, iaitu kewangan, sumber manusia dan perlindungan kepada para reformis. Antara ketiga-tiga aspek tersebut, sumbangan kewangan mereka adalah paling menonjol. Dari tahun 1907 hingga 1911, 8 kali siri revolusi dilancarkan oleh Dr. Sun Yat Sen dan para pengikutnya. Hasil kutipan derma di kalangan orang Cina Malaya dan Singapura berjaya membaiayai sepenuhnya perbelanjaan revolusi Huang Kang di Teochew (1907), dan mereka juga merupakan penyumbang kewangan utama dalam revolusi Canton (March, 1911) dan Wuchang (Oktober, 1911) yang berjaya menjatuhkan Dinasti Qing. Sila rujuk Yen Ching Hwang, *The Overseas Chinese and the 1911 Revolution, with Special Reference to Singapore and Malaya*, m/s xxii dan 317.

Walau bagaimanapun, selepas Perang Dunia Kedua, sentimen anti-Jepun dan kesengsaraan yang dialami mendorong mereka mengambil bahagian dalam aktiviti politik tempatan, ia membawa impak besar terhadap perubahan pemikiran masyarakat Cina. Perkembangan tersebut mempengaruhi mereka supaya menghindarkan orientasi politik China.

## 2.5 Kepelbagai Identiti Orang Cina

Walau bagaimanapun, menjelang 1950-an, perkembangan drastik berlaku ke atas peradaban orang Cina, perubahan yang paling nyata berlaku dari segi pegangan identiti politik, perkembangan sejarah menyaksikan bagaimana pengorientasian politik yang berpusat China memberi jalan kepada identiti politik tempatan menjelang era kemerdekaan.

Perubahan ini mendapat perhatian luas para sarjana. Menurut kajian mereka, orang Cina sebenarnya kabur tentang hakikat sebenar pegangan identiti diri, mereka sentiasa dalam keadaan memegang kepada pelbagai jenis identiti yang merupakan manifestasi peradaban mereka. Sebelum kemerdekaan Malaya, mereka menghadapi dilema sama ada menjadi warga Malaya atau kekal sebagai warga China. Pilihan ini juga menjadi pilihan antara identiti tempatan dengan China, dan pilihan ini mempunyai implikasi mendalam terhadap masa depan mereka. Dari segi politik, pilihan juga perlu dibuat antara pengorientasian politik tempatan atau terus berpegang kepada orientasi politik yang berpusat China.

Walau bagaimanapun, selepas kemerdekaan Malaya, ramai di kalangan mereka memilih untuk bermastautin di Malaya. Keadaan ini bererti mereka telah membuat keputusan untuk melakukan penyesuaian terhadap peradaban dengan melakukan perubahan terhadap pegangan identiti politik. Namun, dilema penyesuaian peradaban masih menghantui masyarakat Cina apabila mendapati ciri-ciri peradaban yang dipegang mereka sering bercanggah dengan hasrat negara.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah Wang Gungwu yang menjalankan kajian terhadap orang Cina mendapati pegangan identiti mereka berbentuk kompleks, bertindih dan berdaya menyesuaikan diri dengan persekitaran. Dalam erti kata lain, mereka sebenarnya sentiasa dalam keadaan berpegang kepada pelbagai identiti.<sup>61</sup>

Identiti sejarah yang berpunca dari nilai tradisi peradaban dan dimanifestasikan melalui renungan terhadap keagungan peradaban silam merupakan sentimen yang rata-rata wujud di kalangan masyarakat Cina. Identiti ini menjadi lemah berikutan penubuhan negara baru. Bagaimanapun, identiti sejarah kini sudah dimasukkan ke dalam konteks identiti peradaban Cina yang mempunyai maksud yang lebih luas.

Sementara itu, identiti perkauman merupakan identiti khas yang wujud di kalangan orang Cina di Malaya berikutan tekanan politik yang dialami. Identiti

ini bersifat sederhana, dan dimanifestasikan melalui perjuangan terhadap hak-hak etnik dan kurang bersifat agresif.<sup>62</sup> Selain itu, identiti kelas yang melampaui batas etnik dan peradaban malah kenegaraan juga wujud di kalangan Orang Cina. Identiti kelas wujud apabila wujudnya kepentingan perniagaan yang mendatangkan kepentingan bersama bagi semua pihak. Namun, identiti kelas hanya memainkan peranan apabila kumpulan-kumpulan etnik dan sosial yang berlainan telah mengalami integrasi peradaban dan tahap asimilasi yang tertentu.<sup>63</sup>

Akhirnya, identiti peradaban Cina seperti yang dijelaskan telah menerap identiti sejarah, identiti ini dimiliki oleh golongan yang beranggapan bahawa peradaban sebagai asas sesebuah etnik, golongan ini berpendapat bahawa identiti ini patut diperkembangkan dan dijadikan sebahagian daripada identiti kebangsaan.<sup>64</sup>

Walau bagaimanapun, memandangkan sejarah merupakan hasil perkembangan peradaban dan etnik pula wujud kerana berkongsi sesuatu peradaban silam, jadi identiti sejarah dan perkauman juga tergolong dalam identiti peradaban.

Konsep kepelbagaiannya identiti (*multiple identities*) ini berjaya memberi penjelasan terhadap hakikat identiti masyarakat Cina yang bersifat kompleks, dan

---

<sup>61</sup> Wang Gungwu 王赓武, *Zhongguo yu Haiwai Huaren* 中国与海外华人 (China dan Orang Cina Seberang Laut), m/s 234.

<sup>62</sup> Ibid, m/s 246.

<sup>63</sup> Wang Gungwu, *China and The Chinese Overseas*. Singapura: Times Academic Press, 1991, m/s 207.

<sup>64</sup> Ibid.

menjelaskan bagaimana identiti yang pelbagai itu wujud secara bertindih dan saling mempengaruhi. Justeru itu, orang Cina tidak boleh dianggapkan hanya berpegang kepada sejenis identiti.

## 2.6 Faktor-Faktor Kecinaan

Pada hakikatnya, orang Cina berasa mereka beretnik Cina pada asasnya, maka wajarlah peradaban Cina terus diamalkan oleh mereka. Menurut pendapat masyarakat Cina, mereka beranggap bahawa seseorang yang berketurunan Cina sepatutnya mengekalkan amalan peradaban Cina dan menganggapnya sebagai faktor penting yang menentukan kecinaan seseorang individu. Tambahan pula, masyarakat Cina rata-rata berpendapat bahawa bahasa merupakan roh dan asas pembentukan bangsa, tanpa penguasaan bahasa Cina maka mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk mengekalkan kesinambungan peradaban, jadi tidak hairanlah usaha mempertahankan bahasa ibunda dianggap sebagai usaha mempertahankan peradaban. Perasaan ini selaras dengan teori sentimen asli yang dikemukakan oleh Clifford Geertz, dan dimanifestasikan dalam usaha mempelajari bahasa Cina dan mempertahankan peradaban.

Seterusnya, selain pengekalan peradaban asal, orang Cina sedar mereka perlu menerima unsur-unsur peradaban asing, misalnya sistem pendidikan, cara hidup moden dan pekerjaan yang di luar norma peradaban Cina. Penerapan nilai dan intipati peradaban asing memperkayakan diri mereka, keadaan ini menyumbang kepada pembentukan pelbagai identiti berikutan pendedahan dan

proses pemodenan yang dialami mereka. Misalnya, identiti kelas yang melepas batas etnik terbentuk di kalangan generasi muda berikutnya kehidupan moden yang dinikmati mereka.

### **Penutup:**

Oleh yang demikian, boleh disimpulkan pandangan bahawa orang Cina tidak boleh diasimilasikan dan hanya taat terhadap peradaban Cina yang dihujahkan oleh para sarjana seperti Victor Purcell dan C.P. Fitzgerald adalah tidak berasas pada hakikatnya.<sup>65</sup> Sebaliknya, para sarjana lain seperti Wang Gungwu, G. William Skinner Donald Willmott, Charles Coppel dan Marry Freedma mempunyai pandangan yang berbeza, mereka mendapati pegangan identiti orang Cina adalah kompleks dan berbentuk heterogenus.

Oleh yang demikian, dengan memahami hakikat kepelbagaian identiti, maka tidak hairan bagi kita memahami hakikat masyarakat Cina yang wujud secara heterogenus dan terbahagi kepada pelbagai golongan yang berlainan dari segi pengamalan adat resam, identiti, pandangan politik dan nilai hidup. Umpamanya, bagi orang Cina di Malaya, Wang Gungwu mengelaskan mereka kepada tiga kumpulan yang jelas memperlihatkan sifat heterogenus mereka, iaitu :

---

<sup>65</sup> Misalnya C.P. Fitzgerald pernah berhujah “But whether the Chinese are, as many are, Christian or Buddhist (Mahayana), their outstanding characteristic is no religious belief but the common and essentially national culture to which they all adhere. This strongly uniform, cohesive race, separated by seas and frontiers, is essentially one people with a shared heritage, the Chinese civilization,” sila rujuk C.P. Fitzgerald, *The Third China: The Chinese Communities in South-East Asia*. Singapore: Donald Moore Press, 1969, m/s 82.

Kumpulan A - Golongan yang kekal mengidentifikasi terhadap Negeri China dari segi peradaban dan politik. Golongan ini adalah minoriti dan semakin berkurangan akibat perubahan identiti dan pertambahan jumlah generasi muda yang kelahiran tempatan.

Kumpulan B - Golongan realistik, mereka menitikberatkan status sosial, mempunyai hubungan tidak langsung dengan pertubuhan politik dan peradaban tempatan serta menjalin hubungan erat sesama mereka bagi menjaga kepentingan bersama. Kumpulan ini ialah kumpulan majoriti, mereka tidak mempunyai pendirian politik yang jelas.

Kumpulan C - Golongan kelahiran tempatan, mereka menerima pendidikan tempatan dan berinteraksi dengan golongan bukan Cina, pegangan identiti peradaban Cina mereka adalah lemah.<sup>66</sup>

Cui Guiqiang yang menjalankan kajian ke atas isu perubahan identiti orang Cina bersetuju dengan pengelasan ini, beliau berpendapat bahawa majoriti daripada kumpulan orang Cina A dan B merupakan golongan tidak berpendidikan atau berpendidikan Cina, sebaliknya kumpulan C pula terdiri daripada golongan berpendidikan Inggeris. Selepas kemerdekaan Malaya, jumlah bilangan orang

---

<sup>66</sup> Wang Gungwu 王赓武, *Dongnanya yu Huaren* 东南亚与华人 (Asia Tenggara dan Orang Cina). Beijing: Youyi Chubanshe 友谊出版社, 1987, m/s 199.

Cina kumpulan B dan C didapati bertambah banyak, sebaliknya bilangan kumpulan A didapati semakin menurun.<sup>67</sup>

Oleh yang demikian, kita dapat menyimpulkan bahawa pegangan identiti orang Cina adalah bersifat kompleks dan sering berubah, pengelasan Wang Gungwu adalah berguna bagi kita mengenali keheterogenusan tersebut yang rata-rata wujud di kalangan masyarakat Cina.

---

<sup>67</sup> Cui Guiqiang 崔貴強. *Xinma Huaren Guojia Rentong De Zhanxiang, 1945-1959* 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959), m/s 421-423.